

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]

**TARIKH :** 2.4.2014

**SOALAN :**

Y.B. Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menetapkan bentuk hukuman denda yang boleh diambil oleh guru terhadap pelajar yang melanggar disiplin di sekolah bagi membolehkan guru-guru menjalankan amanah dan tanggungjawab mereka dengan sempurna tanpa campur tangan pihak luar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengambil berat berhubung isu denda dan disiplin di sekolah. Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 telah memperuntukan bahawa guru besar/pengetua bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang boleh menjadi sebagai pencegah kepada murid-murid lain

Walau bagimanapun, dari masa ke semasa pihak KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berhubung pelaksanaan disiplin sebagai langkah awal dan peringatan dalam menangani isu disiplin. Antaranya *SPI Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman*; dikeluarkan kepada pihak Jabatan

Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan khususnya di peringkat sekolah.

Di samping itu, beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas seperti *SPI Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah* dan *SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Prosedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid*, dikeluarkan bagi menyokong dan memastikan pengurusan disiplin di sekolah dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Rjm98

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6586**

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan bilangan pendatang tanpa izin ditahan dalam tempoh 10 tahun terakhir dengan memberi pecahan kepada kewarganegaraan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan daripada tahun 2003 hingga 2013 adalah seramai 489,731 orang iaitu dengan pecahan berikut:-**

- i) **42,891 orang pada tahun 2003,**
- ii) **23,571 orang pada tahun 2004,**
- iii) **28,079 orang pada tahun 2005,**
- iv) **56,315 orang pada tahun 2006,**
- v) **58,882 orang pada tahun 2007,**
- vi) **73,100 orang pada tahun 2008,**
- vii) **47,872 orang pada tahun 2009,**
- viii) **34,905 orang pada tahun 2010,**
- ix) **37,828 orang pada tahun 2011,**
- x) **39,939 orang pada tahun 2012; dan**
- xi) **46,349 orang pada tahun 2013.**

**Jumlah pecahan mengikut kewarganegaraan lima negara tertinggi pula seperti berikut:-**

- i) **Indonesia seramai 222,091 orang;**
- ii) **Filipina seramai 66,217 orang;**
- iii) **Bangladesh seramai 39,860 orang;**
- iv) **Myanmar seramai 45,760 orang; dan**
- v) **India 20,469 orang.**